



Pelumba dan pegawai pasukan PETRONAS Yamaha Sepang Racing sedia galas cabaran musim 2019.



Semuanya tampak berada dalam kawalan ketika ini, jadi mari kita berlumba!”

Wilco Zeelenberg,
Pengurus pasukan
PETRONAS Yamaha
Sepang Racing

Tenang, perlumbaan belum mula!

➔ Zeelenberg gembira prestasi pramusim di Qatar

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@nstp.com.my

▣ Kuala Lumpur

Pengurus pasukan PETRONAS Yamaha Sepang Racing, Wilco Zeelenberg berbangga dengan prestasi keseluruhan ujian rasmi pramusim namun menegaskan pasukannya harus

bersikap realistik kerana permulaan belum bermula.

Zeelenberg berkata, ujian rasmi terakhir MotoGP di Litar Antarabangsa Losail minggu lalu menghasilkan satu keputusan yang lebih baik daripada jangkaan dan secara keseluruhan selepas empat ujian rasmi pramusim, pasukan boleh berbangga dengan keputusan dicapai.

“Melihat kembali kepada pramusim secara keseluruhannya, saya hanya boleh katakan yang kami boleh berbangga dengan apa dihasilkan dan semua yang dicapai pasukan setakat ini.

“Pada masa sama, kita juga perlu realistik dan ingat yang kita belum lagi meraih sebarang mata dalam kejuara-

an. Apapun, semuanya tampak berada dalam kawalan ketika ini, jadi mari kita berlumba!”

Kemunculan pertama

PETRONAS Yamaha Sepang Racing bakal membuat kemunculan pertama dalam kancah MotoGP pada musim ini dan berdasarkan ujian di Losail, perlumba muka baharu (rookie) dalam kelas perdana itu, Fabio Quartararo mencipta kejutan apabila muncul kedua terpanas keseluruhan manakala rakan sepasukannya, Franco Morbidelli ketujuh.

“Ujian di Qatar berlangsung lebih baik daripada apa yang dijangkakan. Kami tahu yang Yamaha sangat sesuai dengan trek ini tetapi apa yang jelas, catatan masa sepusingan dila-

kukan Fabio (Quartararo) sangat menakjubkan dan di luar jangkaan kami - semuanya berlangsung dengan sangat baik untuknya.

“Franco (Morbidelli) bagaimanapun sedikit bergelut dengan beberapa masalah. Ia berlaku ketika ujian, jadi saya harap kami dapat menyelesaikan isu itu secara bersama.

Sedikit bergelut

“Biarapun, beberapa hari awal semuanya tidak berlangsung dengan baik, dia bagaimanapun melakukan tugas yang hebat dan dapat melakukan satu catatan masa yang baik,” kata Zeelenberg.

Kejuaraan Motosikal Dunia bagi musim 2019 dijadual membuka tirainya di litar sama dari 8 hingga 10 Mac ini.